

TMC tarik ramai pelayar luar negara

UM/05.01.04 / M/S 31

KUALA NERUS: Negeri Terengganu menjadi saksi sukan pelayaran berprestij Terengganu Monsoon Challenge (TMC) dalam acara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Challenge 5.0 baru-baru ini di Duyong Marina Resort, Kuala Nerus.

Acara yang ditunggu-tunggu itu merupakan kemuncak kepada sukan pelayaran negeri Terengganu yang menjadi sebahagian dari kalendar sukan pelayaran Malaysia.

TMC yang dianjurkan oleh Pusat Latihan Pelayaran Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dan Majlis Sukan Negeri Terengganu ini agak unik kerana dikelolakan oleh kelab pelajar UMT iaitu UMT Sailing Club.

Menurut jurucakap UMT, penganjuran ini merupakan sebahagian daripada program di dalam Kanvas Siswa Madani yang dilancarkan oleh pihak Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMT dengan kerjasama Persatuan Pelayaran Malaysia dan Terengganu Windsurfing Sailing Association.